

Unsur Sejarah sebagai Strategi Naratif dalam *Syair Perang Menteng* *Historical Elements as a Narrative Strategy in Syair Perang Menteng*

WAN ROSHAZLI WAN RAZALI
*Bahagian Kesusasteraan,
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang*
Corresponding author: wan_sha@usm.my

Received: 22 September 2025 Accepted: 03 January 2026

Abstrak

Kajian ini bertujuan membincangkan unsur sejarah sebagai strategi naratif dalam *Syair Perang Menteng*. Objektif kajian adalah, untuk mengetengahkan unsur sejarah yang terdapat dalam karya sastra khususnya syair perang. Hal ini kerana, karya sastra sering dianggap sebagai naratif yang hanya menampilkan unsur-unsur rekaan sahaja tanpa adanya nilai-nilai kebenaran. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif iaitu analisis kandungan. Kaedah ini dipilih kerana bersesuaian dengan dokumen-dokumen bertulis seperti buku; manuskrip dan teks. Fokus diberikan kepada aspek intrinsik naskhah yang berkaitan dengan nilai-nilai sejarah dalam teks kajian. Untuk memperdalamkan lagi perbincangan, kajian akan didasarkan kepada teori naratif. Terdapat lima elemen utama dalam teori naratif. Antaranya ialah: watak; ideologi; pengarang; teks dan latar (merangkumi latar masa, tempat dan peristiwa). Kelima-lima elemen teori ini, akan diterapkan dalam bahagian perbincangan. Kajian ini sangat signifikan kerana gabungan antara disiplin sastra dan sejarah berjaya membuktikan karya-karya sastra bukan lahir dari kekosongan. Sebaliknya merupakan dokumen sosial yang menjadi perakam peristiwa sebenar dalam masyarakat silam. Pengarang *Syair Perang Menteng*, bukan hanya bertindak sebagai jurutulis, wartawan tetapi dalam masa yang sama ahli sejarah kepada masyarakatnya dalam memerihalkan peristiwa peperangan yang telah berlaku. Dapatan kajian telah berhasil menutupi kelompangan kajian berkaitan unsur sejarah yang terdapat dalam *Syair Perang Menteng*.

Kata kunci: Syair Perang Menteng; Unsur Sejarah; Strategi Naratif; Watak; Latar dan Dokumen Sosial

Abstract

This study aims to discuss the use of historical elements as a narrative strategy in Syair Perang Menteng. The objective of the study is to highlight the presence of historical references within literary texts, particularly those centered on conflict, challenging the common perception that such works are purely imaginative and lack factual grounding. Utilizing a qualitative approach through content analysis, the study examines written documents such as books, manuscripts and texts, focusing on the internal features of the 'Syair' that convey historical significance. To deepen the analysis, narrative theory is applied, emphasizing five core components: characters, ideology, author, text and setting, which encompasses time, location and events. These elements serve as analytical tools to reveal how historical narratives are embedded within the literary structure. This study is significant because

its demonstration of the interplay between literature and history, affirming that literary creations are not isolated from societal realities. Rather, they function as social documents that reflect and preserve historical experiences. In this context, the author of Syair Perang Menten in a dual role as an author and a historian for the community by chronicling the events of war. The findings contribute to bridging the gap regarding the historical elements embedded within Syair Perang Menteng.

Keywords: Syair Perang Menteng; Historical Elements; Narrative Strateg; Character; Setting and Social Document

Pengenalan

Syair Perang Menteng (1819-1821), juga dikenali sebagai *Syair Perang Muntighe* atau *Syair Perang Palembang*, mempunyai 280 rangkap ditransliterasikan oleh Woelders M.O dan diterbitkan pada tahun 1975. Syair ini mengisahkan penentangan masyarakat Palembang ke atas Belanda yang diketuai oleh Idelir Muntighe yang telah membuat onar di Tanah Palembang. Peperangan tersebut berlarutan selama dua tahun dan melibatkan tiga siri pertempuran. Dua siri pertempuran telah berpihak kepada Palembang. Manakala siri ketiga, Palembang telah tumpas dalam peperangan tersebut. Kekalahan Palembang bukanlah kerana kelemahan mereka tetapi disebabkan tipu muslihat oleh Belanda.

Negara Palembang ketika itu sedang diterajui oleh Sultan Mahmud Badaruddin II.¹ Ketika menaiki takhta Palembang kuasa Barat begitu giat melebarkan kuasa di kepulauan Melayu termasuk Palembang. Pertembungan di antara Inggeris dan Belanda telah memberi kesan kepada kedaulatan Palembang. Kekalahan Belanda dalam peperangan Napoleon, membawa kepada Perjanjian Tuntang pada 18 September 1811 iaitu penyerahan tanah jajahan Belanda di Pulau Jawa, Madura, Palembang, Mengkasar, Banjarmasin dan Pulau Maluku kepada Inggeris.² Perjanjian Tuntang telah dibantah oleh Sultan Mahmud Badaruddin II atas alasan Palembang merupakan tanah merdeka dan bukan di bawah kekuasaan asing. Akibat daripada peristiwa ini Sultan Mahmud Badaruddin II, telah diturunkan dari takhta dan digantikan oleh adiknya iaitu Sultan Ahmad Najamuddin IV. Sultan Ahmad Najamuddin IV, lebih berpihak kepada Inggeris sedangkan Sultan Mahmud Badaruddin II berpihak kepada Belanda dan mendapat dukungan kuat dari rakyat Palembang berbanding adiknya.³

Kemuncak konflik antara Palembang dan Belanda terjadi kerana tindakan Sultan Mahmud Badaruddin II dan pengikutnya bertindak menyerang dan membakar penempatan tentera Belanda di Sungai Alur. Kejadian ini berlaku pada 14 September 1811.⁴ Kekalahan Napoleon Bonarpate dalam Perang Waterloo pada tahun 1815, telah menamatkan penguasaan Perancis di Belanda. Peristiwa ini sekali gus membuka jalan kepada pemulihan institusi monarki Belanda apabila Raja Willem I dikembalikan ke takhta sebagai pemerintah yang sah. Pemulihan tersebut menandakan berakhirnya era dominasi Perancis serta permulaan kepada kebangkitan semula kedaulatan Belanda di pentas Eropah. Hasil daripada kebangkitan semula kuasa Eropah membawa kepada Konvensi London pada 13 Ogos 1816. Perjanjian ini membawa kesan besar kepada sejarah Tanah Melayu kerana kesemua tanah jajahan Inggeris di Indonesia dikembalikan semula kepada Belanda termasuk Pulau Bangka. Cochin di India diserahkan kepada Inggeris.⁵ Perjanjian tersebut telah membawa kepada penetapan sempadan tanah jajahan dengan lebih jelas. Berbeza dengan zaman tradisional iaitu berasaskan kuasa raja, pengaruh budaya dan jaringan perdagangan tanpa garis pemisah yang tetap. Perubahan ini bukan hanya menstruktur semula landskap politik serantau malah turut mempengaruhi hubungan diplomatik, ekonomi serta identiti masyarakat di kawasan jajahan.

Setelah perjanjian ini ditemeterai antara kedua-dua pihak, tentera Belanda telah kembali ke Palembang. Kedatangan mereka adalah untuk memastikan tiada lagi penempatan Inggeris di Palembang khususnya di Sungai Rawas. Kehadiran ini menimbulkan kemarahan masyarakat

Palembang, sehingga mencetuskan serangan ke atas tentera Belanda. Serangan ini menjadi titik tolak kepada siri pertempuran yang lebih besar di antara Belanda dan Palembang. Namun insiden ini bukanlah punca utama yang mencetuskan konflik antara kedua-dua pihak. Sebaliknya hubungan di antara Palembang dan Belanda sudah retak dan hanya menunggu masa sahaja untuk pecah. Pembaca sudah dapat menghidu bunga-bunga perang yang bakal terjadi. Belanda telah menuduh, Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai dalang di sebalik serangan tersebut, sebagai tanda kesetiaan kepada Belanda Putera Mahkota harus diserahkan kepada Belanda sebagai jaminan. Tetapi tidak diindahkan oleh baginda, konflik makin meruncing apabila tentera Belanda telah menembak mati pengiring sultan ketika baginda menunaikan solat Jumaat. Peristiwa ini mendorong, Sultan Mahmud Badaruddin II mengisytiharkan perang terhadap Belanda.

Rentetan peristiwa ini memperlihatkan pertalian yang jelas antara sejarah peperangan Palembang dengan Belanda sebagaimana digambarkan dalam *Syair Perang Menteng*, yang berakar daripada peristiwa sebenar dan berasaskan fakta sejarah. Garapan ini mengukuhkan lagi *Syair Perang Menteng* bukan hanya sekadar karya sastera, dalam masa yang sama bertindak sebagai medium informasi penting kepada masyarakat kini tentang peristiwa peperangan. Melalui penelitian terhadap syair ini, dapat dikenal pasti bagaimana peristiwa sejarah, diserap, ditafsir dan diolah dalam bentuk puisi berangkap serta berirama sehinggakan menjadi sumber penting yang boleh dirujuk sehingga kini. Justeru itu, perbincangan kajian akan menelusuri secara kritis unsur-unsur sejarah yang terdapat dalam *Syair Perang Menteng*.

Pemasalahan Kajian

Kajian berkaitan unsur sejarah yang terkandung dalam karya sastera klasik bukanlah sesuatu yang baharu. Pengkajian ke atas teks klasik sastera sejarah, terutamanya berkaitan peristiwa peperangan telah mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan sarjana Barat juga tempatan. Bertitik tolak daripada kajian yang dilakukan oleh M.O Woeldress,⁶ Zubir Idris,⁷ Abdul Rahman,⁸ Suidat, M.Pd.I,⁹ termasuk Wan Roshazli,¹⁰ terhadap *Syair Perang Menteng* masih belum ditemui secara jelas kajian berkaitan unsur sejarah sebagai strategi naratif dalam *Syair Perang Menteng*.

Syair ini memberi gambaran penting tentang dinamika hubungan diplomatik antara Palembang dan Belanda. Membuktikan bahawa masyarakat silam sudah pun menjalin hubungan bertaraf antarabangsa. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa perbincangan terhadap *Syair Perang Menteng* lebih banyak menumpukan kepada aspek kesusasteraan, estetika, dan nilai budayanya. Aspek sejarah yang terkandung dalam syair ini, khususnya sebagai catatan tentang konflik antara Palembang dan Belanda, masih kurang diberikan perhatian. Hal ini menimbulkan persoalan penting iaitu sejauh manakah *Syair Perang Menteng* dapat dianggap sebagai teks yang mempunyai unsur sejarah? Adakah naratif yang disampaikan hanya sekadar bentuk sastera kreatif, atau sebenarnya berfungsi sebagai dokumen yang mencatatkan peristiwa penting berkaitan insiden perang antara Palembang dan Belanda? Tambahan pula, kajian-kajian terdahulu belum meneliti secara mendalam bagaimana unsur-unsur sejarah digunakan sebagai strategi naratif utama dalam syair ini. Kelompondan ini menimbulkan keperluan untuk melihat *Syair Perang Menteng* bukan sahaja sebagai karya sastera, tetapi juga sebagai teks sejarah yang merakam pengalaman kolektif masyarakat silam dalam berdepan dengan kuasa kolonial. Oleh itu, penelitian ini akan menelusuri unsur-unsur sejarah yang terkandung dalam *Syair Perang Menteng*, di samping menilai peranannya sebagai jambatan antara tradisi kesusasteraan dan dokumentasi sejarah. Dengan cara ini, kajian ini diharap dapat mengisi jurang yang wujud serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh tentang hubungan antara sastera dan sejarah dalam konteks kesusasteraan Melayu klasik.

Kajian Lepas

Berdasarkan tinjauan kajian memperlihatkan terdapat sejumlah penyelidikan berbentuk ilmiah yang telah dijalankan ke atas *Syair Perang Menteng*. Antaranya ialah kajian berbentuk filologi oleh Woelders M.O.¹¹ Hasil dapatan menjelaskan adanya nilai-nilai sejarah dalam syair tersebut, namun jihad menjadi teras utama dalam penulisan *Syair Perang Menteng*. Seterusnya, Teuku Iskandar,¹² turut membuat pernyataan yang hampir sama dengan Woelders bahawa syair ini adalah bermotifkan jihad. Zubir Idris,¹³ pula telah melakukan penelitian berbentuk deskriptif ke atas *Syair Perang Menteng*, *Syair Perang Mengkasar* dan *Syair Peperangan Aceh*. Dengan berpandukan teori etnosentrisme oleh William Graham Sumner beliau menegaskan selain etnosentrisme agama turut menjadi induk utama yang menyemarakkan lagi semangat etnosentrisme dalam syair perang Melayu Nusantara.

Faktor Fisabilillah juga dikembangkan lagi oleh Abdul Rahman,¹⁴ dalam bukunya bertajuk *Gerakan Penjajahan dan Anti Penjajahan Tanah Melayu 1511-1957*. Beliau turut bersetuju bahawa peperangan yang disertai oleh masyarakat Palembang dalam *Syair Perang Menteng* adalah bermotifkan jihad. Kajian berikutnya oleh Suidat, M.Pd.I,¹⁵ perbincangan beliau lebih menjurus kepada ketokohan Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai panglima perang dalam *Syair Perang Menteng*. Penulisan berkaitan ketokohan Sultan Mahmud Badaruddin II turut dilakukan oleh Wan Roshazli,¹⁶ dengan judulnya Sultan Mahmud Badaruddin II Wira Masyarakat Palembang. Penulisan ini lebih mendalam kerana menerapkan teori wira oleh Bowra C. Hasil dapatan kedua-dua penulisan ini, menegaskan bahawa Sultan Mahmud Badaruddin II adalah wira masyarakat Palembang berdasarkan sumbangan dan peranan yang diberikan sebagai panglima perang. Selanjutnya, Wan Roshazli,¹⁷ juga menghasilkan jurnal seterusnya berkaitan *Syair Perang Menteng* iaitu 'Perang Sebagai Penyelesaian Konflik'. Hasil daripada penelitiannya, beliau merumuskan bahawa konflik antara kedua-dua pihak hanya dapat diselesaikan melalui peperangan. Secara keseluruhannya, tinjauan terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan meski pun terdapat beberapa penelitian terhadap *Syair Perang Menteng*, namun kajian berbentuk unsur sejarah sebagai strategi naratif dalam *Syair Perang Menteng* belum dijalankan. Hal ini menegaskan, kewajaran melakukan penelitian ini untuk mengisi kelompangan tersebut.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks serta berlandaskan kepada teori naratif oleh Mieke Bal. Teori ini dipilih kerana Mieke Bal satu-satunya sarjana, mengemukakan ideologi sebagai salah satu pembentukan naratif selain watak; pengarang; teks dan latar. Mieke Bal menyatakan kelima-lima elemen tersebut adalah teras utama dalam naratif. Tanpa kelima-lima elemen, naratif tidak akan lengkap sepenuhnya. Lantaran itu, dalam membincangkan unsur sejarah sebagai strategi naratif dalam *Syair Perang Menteng* kelima-lima elemen ini diperlukan. Menurut Mieke Bal,¹⁸ naratif ialah:

“A narrative text is a text in which an agent or subject conveys to addressee (“tell” the reader, viewer or listener) a story in a medium, such as language, imagery sound, buildings or a combination thereof. The story is the content of that text and produces a particular manifestation, inflection and colouring of a fabula. A fabula is a series of logical and chronologically related events that are caused or experienced by actors.”

Berdasarkan pandangan di atas, dapat dirumus naratif merupakan satu bentuk penyampaian untuk menyapa pembaca, penonton dan juga pendengar. Naratif merupakan insan berbahasa kerana melalui naratif setiap peristiwa tersebut dapat difahami oleh pembaca atau pendengar. Naratif turut memilik

nilai seni iaitu seni berkomunikasi melalui kod pertuturan yang difahami serta di 'cam' oleh khalayak. Kod-kod naratif akan sentiasa berubah berdasarkan zaman. Watak dan peristiwa merupakan elemen teras dalam naratif. Tanpa kedua-duanya naratif tidak mampu berkembang. Perkembangan naratif bergantung kepada perkembangan watak dan peristiwa. *Fabula* pula beerti cerita dalam bahasa Rusia. *Fabula* merupakan rentetan peristiwa secara logik dan berkronologi dan dialami oleh watak dalam naratif. Makna naratif cukup luas, tidak terhad dalam bidang kesusasteraan sahaja, kerana kesemua disiplin memerlukan naratif. Begitu juga dalam perbualan seharian, tanpa naratif tidak akan berlaku komunikasi.

Dalam konteks *Syair Perang Menteng*, perkembangan naratif adalah melalui watak utamanya iaitu Sultan Mahmud Badaruddin dan Idelir Muntighe serta watak sampingan seperti pembesar istana dan juga tentera Palembang serta Belanda. Kesemua watak-watak ini sama ada watak utama atau sampingan berfungsi sebagai penggerak cerita yang menentukan hala tuju naratif. Peristiwa penting khususnya konflik sehingga tercetusnya peperangan menjadi kerangka utama dalam pembentukan naratif dalam *Syair Perang Menteng*. Kehadiran watak serta peristiwa bukan hanya membina atau menyusun alur cerita sahaja, tetapi dalam masa yang sama mengerakkan peristiwa bersejarah dalam teks. Dengan demikian, *Syair Perang Menteng* bukan sahaja berperanan sebagai karya sastra tetapi bertindak sebagai catatan naratif sejarah yang bukan hanya menggambarkan peristiwa perang sahaja tetapi turut bertindak sebagai pembakar semangat dalam mempertahankan tanah air. Gabungan antara watak, peristiwa dalam syair ini memperkukuhkan naratif sehingga syair ini boleh dianggap sebagai sebuah teks yang sarat dengan makna dan nilai-nilai sejarah. Oleh itu, kelima elemen dalam teori naratif perlu diperhalusi secara mendalam untuk membuktikan *Syair Perang Menteng* digarap berdasarkan unsur sejarah yang sebenar.

Perbincangan

Karya sastra sejarah merupakan kombinasi antara nilai kesusasteraan yang tinggi dan sejarah masyarakat silam. Justeru, garapan pengarang diyakini tidak hanya menampilkan permasalahan yang berlaku dalam masyarakat, tetapi juga mencerminkan budaya lampau yang menjadi rujukan terhadap tatacara hidup masyarakat tradisi. Sehubungan itu, hasil karya sastra secara langsung memberikan imej, gambaran dan pengalaman masyarakat sebenar. Pada tahap ini, karya sastra sejarah telah bertindak sebagai dokumen sosial budaya masyarakat silam yang telah merakam kejadian yang pernah terjadi pada suatu masa dahulu. Ali Ahmad,¹⁹ turut bersetuju bahawa pengarang silam telah menggarap setiap peristiwa berdasarkan persekitaran dan masyarakatnya. Pandangan sarjana ini, mengukuhkan lagi bahawa karya sastra mempunyai hubungan akrab dengan masyarakatnya adalah benar dan tepat. Setiap karya terhasil kerana adanya peristiwa dan pelaku yang menjadi penggerak. Oleh itu, kesusasteraan tidak dapat dibincangkan tanpa dikaitkan dengan masyarakatnya.

Begitu juga dengan *Syair Perang Menteng*, tidak boleh dikaji tanpa mengaitkannya dengan sejarah masyarakat Palembang serta peristiwa yang terjadi ketika itu. Hasil sastra terutama sastra sejarah sering kali mengandungi mesej dan siratan yang tuntas dan terperinci tentang latar hidup serta susah payah kehidupan masyarakat silam. Fenomena ini, sering melingkari suasana penciptaan sesebuah karya sastra yang diusahakan oleh seseorang pengarang yang sangat prihatin dan sensitif terhadap kejadian di persekitarannya. Secara tidak langsung insiden naratif peperangan, yang dimunculkan dalam karya sastra merupakan suatu bentuk budaya masyarakat berdasar kepada pengalaman sebenar masyarakat tradisi dalam dunia peperangan. Oleh itu, keseluruhan elemen seperti watak, latar, dan peristiwa (meliputi tempat, masa, dan peperangan) dapat dikenal pasti sebagai unsur sejarah yang digarap dalam bentuk naratif.

Watak dan Perwatakan

Watak merupakan salah satu unsur penting yang dapat dikaitkan dengan sejarah dalam *Syair Perang Menteng*. Watak juga dikenali sebagai pelaku atau pelakon dalam teori naratif, kerana watak adalah penggerak kepada permulaan naratif sehingga akhirnya tanpa watak naratif tidak dapat berkembang.²⁰ Dalam karya sastera sejarah, khususnya yang melibatkan peristiwa peperangan kewujudan watak perlu dibuktikan secara nyata.²¹ Pendekatan naratif berkaitan watak boleh diaplikasikan melalui kaedah 5W+1H. Elemen siapa (*who*) merujuk kepada perwatakan watak dalam naratif, yang berperanan memperjelas sifat dan perilaku dalam sesebuah penceritaan atau karya.²²

Syair Perang Menteng, menampilkan Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai watak utama. Meskipun namanya tidak disebut secara langsung seperti kelaziman dalam pembukaan syair. Tetapi pengarang mengaitkan dengan peristiwa pembelotan oleh Pangeran Muhammad dan Raja Akil sebagai permulaan syair. Mereka bersubahat dengan musuh Palembang iaitu Belanda untuk menentang Sultan Mahmud Badaruddin II. Dua rangkap syair di bawah menjelaskan peristiwa tersebut:

Alkisah pertama mula
Pangeran Muhammad membuat cela
Raja Akil demikian pula
beserta dengan kafir segala.²³

Inilah konon mula pertama
Holanda dan Ambon bersama-sama
Idelir Muntighe Belanda nama
Kornel bakar jadi panglima.²⁴

Walaupun, sepanjang syair dinaratifkan tidak disebut nama Sultan Mahmud Badaruddin II, para pembaca sudah dapat mengetahui pihak yang bertelingkah kerana adanya nama Idelir Muntighe iaitu wakil Belanda Peristiwa Perang Palembang yang melibatkan pertempuran antara Sultan Mahmud Badaruddin II dan Idelir Muntighe turut diperakui oleh Dahlan,²⁵

Perang Palembang juga dikenali juga sebagai Perang Menteng memperlihatkan keupayaan Sultan Mahmud Badaruddin II mempertahankan Palembang bersama rakyatnya.

Berdasarkan kutipan syair dan pandangan sejarawan, konflik berlaku kerana manusia iaitu watak yang mengerakkan kepada penceritaan. Pengkhianatan ini terjadi kerana Pangeran Muhammad tidak berpuas hati dengan undang-undang dan larangan Palembang. Perundangan Palembang melarang bangsawan dan juga rakyat biasa mengahwini wanita bangsawan dari daerah Mintok. Hanya pemerintah sahaja yang dibolehkan menikahi para gadis Mintok. Larangan ini dilakukan bagi menghadkan kuasa mereka dari melebihi sultan serta mengekang berlakunya penderhakaan.²⁶

Larangan tersebut tidak diendahkan, beliau telah berkahwin dengan Yang Amanda. Pangeran Muhammad telah menderhaka kepada sultan, sebagai hukuman diarahkan berpisah dengan isterinya. Ketegangan di antara Sultan Mahmud Badaruddin II dan Idelir Muntighe menjadi batu loncatan kepada Pangeran Muhammad untuk melunaskan dendamnya.²⁷ Garapan ini memperlihatkan gabungan antara disiplin sastera dan sejarah, di mana bahan sejarah diolah dalam penulisan sastera untuk menampilkan kisah sebenar melalui medium syair, meskipun tidak dinaratifkan secara lengkap seperti laporan sejarah. Pada masa yang sama, sastera berperanan sebagai medium informasi kepada

para pembaca, sekali gus mendorong mereka untuk aktif meneliti perkaitan konflik di antara Sultan Mahmud Badaruddin II dan Pangeran Muhammad.

Selain watak sultan sebagai watak utama, golongan haji turut tidak ketinggalan menjadi sebahagian daripada watak-watak penting dalam peristiwa perang tersebut. Penglibatan golongan haji, dalam syair perang Melayu Nusantara khususnya adalah bertujuan sebagai pembakar semangat kepada para tentera. Membuktikan peperangan yang disertai atas tuntutan agama.

Berkumpullah haji tua dan muda
mengadap Duli tunduk tengadah
bermohon kepada Duli Baginda
hendak mengamuk rakyat Holanda.²⁸

Haji Ratib di pengadapan
berkampung bagai mengadap ayapan
tidaklah malu dan sopan
ratib berdiri di berhadapan.²⁹

Fungsi golongan haji sebagai keabsahan politik terlihat jelas dalam sejarah perjuangan rakyat di Tanah Melayu.³⁰ Orang Melayu yang telah memeluk agama Islam mula mencari ilmu di Mekah dan menyebarkannya apabila pulang semula ke tanah air. Pada abad ke-17 dan ke-18, golongan haji tidak lagi berperanan sebagai penentang terhadap kuasa-kuasa tempatan. Sebaliknya mereka dihormati oleh masyarakat tempatan termasuk para raja dan sultan. Golongan haji dipercayai mempunyai 'karamah' tersendiri dan digeruni kerana diyakini memiliki kuasa magis yang tidak dimiliki oleh masyarakat biasa. Golongan haji turut memiliki pengikutnya tersendiri.

Justeru itu, agama Islam dilihat sebagai sumber kekuatan dalaman dan Mekah pula dilihat sebagai pusat latihan kerohanian yang dapat menghasilkan kekuatan tambahan yang penting. Penglibatan golongan haji dalam peperangan di Tanah Melayu pernah terjadi di Terengganu yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong. Beliau turut menerima pendidikan di Mekah. Beliau berjaya menyeru pengikutnya untuk berjuang menentang ketidakadilan yang dilakukan oleh British terhadap sistem cukai tanah. Beliau menegaskan bahawa 'tanah adalah milik Allah' dan sesiapa sahaja berhak menggunakannya.³¹ Akhirnya meletuslah peperangan di antara rakyat Terengganu dan pihak British, ramai orang Melayu yang gugur syahid. Walaupun perjuangan ini gagal, namun ia mampu membuka mata penjajah bahawa orang Melayu akan bangkit menentang sekiranya kepercayaan suci mereka dinodai. Peristiwa ini membuktikan bahawa golongan haji antara tokoh penting dalam menggerakkan peperangan menentang kuasa asing di tanah air.

Latar Tempat

Latar turut mengambil ruang dalam teori naratif dan disiplin sejarah, kerana latar berperanan menggambarkan sesuatu keadaan yang mendukung sesebuah cerita. Latar juga penting dalam mengembangkan tema, persoalan, plot, watak dan perwatakan. Suasana penceritaan akan menjadi lebih hidup dan rancak jika berada dalam situasi pelbagai latar. Latar tempat juga merangkumi pelukisan geografi, topografi, pemandangan, bangunan, peralatan, tanggungjawab watak, waktu dan sebagainya. Latar tempat dalam karya sastera sejarah adalah di dunia nyata dan di mana-mana sahaja tetapi harus berpijak di bumi nyata. Latar tempat yang mengambil ruang dalam *Syair Perang Menteng* adalah di sekitar negeri dan daerah Palembang iaitu di Kota Lama (Kuto Besok), Sungai Musi, Pulau Batu, Sungai Kundur, Mentok, Tambakbaya, benteng Pulau Kemaro, benteng plaju,

benteng Manguntama, Sungai Aur, benteng Martapura, Pulau Salahnama, Pulau Bayak, Selat Jaran, Pulau Borang, Sungai Sungsang dan Kuala negeri. Kesemua nama-nama ini disebut oleh pengarang dalam *Syair Perang Menteng*. Kewujudan lokasi ini dapat dibuktikan melalui beberapa rangkap syair di bawah:

Wirasentika Pangeran bernama
Putera Pangeran Wirakesuma
sikapnya bagai Maharaja Boma
bertahan di Pulau Manguntama.³²

Di Tambakbaya tempat dikerja
benteng Pangeran Kramadiraja
beriringan Pangeran Puspadiraja
sikap majlis dipandang raja.³³

Di Pulau Kemaro tempatnya jaga
benteng Pangeran Suradilaga
siang dan malam nafsunya dahaga
hendak berperang pikirilah juga.³⁴

Latar memainkan peranan yang penting dalam penceritaan kerana melalui latar tempat, watak-watak yang terdapat dalam naratif turut berkembang. Melalui latar tempat pengarang akan mula memperlihatkan perwatakan-perwatakan yang dibinanya sama ada berani, pintar, penakut dan lain-lain. Pemaparan lokasi peperangan menjadikan naratif perang ini begitu *real* dan dekat dengan pembaca. Hal ini kerana, melalui latar tempat pengarang berjaya menghadirkan imaginasi pembaca untuk merasai suasana peperangan yang berlaku di tempat tersebut. Justeru itu, bukan hanya menonjolkan kehebatan pengarang *Syair Perang Menteng* tetapi dalam masa yang sama memperlihatkan betapa akrabnya hubungan sastera dan realiti sejarah.

Latar Masa

Dalam penulisan karya-karya historiografi agak sukar untuk menemui tarikh berkaitan peristiwa berlaku secara tepat seperti dalam penulisan sejarah. Namun tidak adil sekiranya tiada catatan masa dan tarikh ditemui dalam naskhah kesusasteraan, kerana dalam tradisi istana pengarang dituntut menyampaikan kebenaran kepada khalayak. Latar masa juga ditemui dalam rangkap *Syair Perang Menteng*:

Delapanbelas harinya Sabtu
bulan Syaban ketika waktu
pukul empat jamnya itu
haji berzikir di pamarakan tentu.³⁵

Petikan syair di atas, dapat dikaitkan dengan kebenaran berlakunya peperangan di antara tentera Palembang dan Belanda seperti yang tercatat dalam penulisan sejarah. Ungkapan syair menjelaskan peperangan tersebut meletus pada 18 haribulan iaitu bulan Syaban hari Sabtu. Penulisan sejarah pula menyebut peperangan tersebut berlaku pada 18 haribulan pada tahun 1819 sehingga 1821.³⁶ Justeru itu, membuktikan bahawa keselarian dan ketepatan fakta di antara kedua-dua bidang ilmu tersebut.

Berdasarkan latar masa ini, membuktikan bahawa penulisan sebegini sudah pun menepati ciri-ciri penulisan sejarah silam. Tetapi disebabkan gaya penyampaiannya seperti penceritaan menimbulkan keraguan dalam kalangan para sejarawan untuk mengiktiraf kelebihannya sebagai sebuah dokumen sejarah. Gaya penceritaan seperti ini merupakan satu keunikan dalam naratif sastera kerana setiap latar peristiwa, waktu dan watak-watak terlibat diceritakan dengan serinci-rincinya berbanding penulisan berbentuk sejarah.

Latar Peperangan

Latar peperangan turut memainkan peranan penting dalam mensahihkan kebenaran dalam karya perang. Melalui latar peperangan, pengarang menggarapkan suasana peperangan dengan penuh *heroic* dengan tempik dan sorak para pendekar yang diumpama seperti halilintar, guruh, petir dan unsur-unsur alam lain. Bunyi alatan perang yang tidak henti-henti berbunyi menambahkan lagi kerancakkan peperangan. Tujuan garapan ini adalah untuk menaikkan *mood* suasana penceritaan, bunyi-bunyi seperti ini diibaratkan *sound effect* seperti menonton di kaca televisyen. Apabila diteliti daripada awal, pengarang membina latar penceritaan secara kronologi dan sama namun menggunakan kaedah tersendiri untuk mempersembahkan ceritanya kepada khalayak tentang suasana peperangan tersebut.

Latar masa, tempat dan suasana peperangan yang melingkari teks ini memperlihatkan gaya penceritaan yang menarik, teratur dan berbeza dengan penulisan sejarah yang konvensional. Terutama melalui adegan berbalas serangan pengarang mendeskripsikan suasana tersebut secara berlebihan tetapi itulah kelebihan sastera yang menyampaikan kisahnya melalui medium bahasa yang tersendiri. Pengarang mendeskripsikan betapa sengitnya pertempuran askar-askar Palembang dengan Belanda. Situasi ini dapat dilihat dalam rangkap di bawah:

Undurlah baris senapang digendong
kena anggur sabung menyabung
hari yang terang menjadi rundung
baris tiada tempat berlindung.³⁷

Tersebutlah orang perang di darat
ada yang menikam ada yang mengerat
soraknya bagai gelombang barat
rakyat baginda habislah larat.³⁸

Melalui garapan seperti ini, memperlihatkan ketelitian pengarang mencipta suasana serangan balas melalui penggunaan senjata perang seperti bedil, meriam, senapang dan lain-lain. Deskripsi ini turut, memperlihatkan berlakunya aktiviti peperangan yang melibatkan fizikal seperti adegan ‘tikam-menikam’, ‘perkelahian’ dan ‘mengerat’ musuh-musuh dengan menggunakan parang, keris atau senjata-senjata kecil yang lain. Keupayaan pengarang menggambarkan suasana dengan penuh hiruk pikuk dengan suara para tentera dan juga bunyi senjata menjelaskan betapa fokusnya para tentera dalam memenangi peperangan tersebut. Disinilah kehebatan pengarang sastera dalam pemilihan metafora dan bahasa yang sesuai, serta dipadankan dengan situasi sebenar dan juga imaginasi pengarang dalam membina latar peperangan.

Bersoraklah rakyat paduka Pangeran
diatas kota gegak pendengaran
Holanda melihat terlalu heran
alamat perang Menteng gelaran.³⁹

Dibedil hulubalang sekalian rata
dengan lela diatas kota
soraknya gemuruh gegak gempita
pelurunya deras tidak terkata.⁴⁰

Suasana tempik sorak ini menaikkan semangat para pejuang dan menimbulkan rasa kegerunan pihak lawan di medan perang. Suasana ini sangat penting dalam memainkan psikologi kedua-dua pihak. Psikologi yang kuat mampu membuatkan mereka mampu bertahan, merancang pelbagai serangan dan akhirnya menguasai peperangan. Di sinilah terletak keunikan disiplin sastera bukan hanya mempunyai nilai sejarah tetapi juga kaya dengan ilmu jiwa atau psikologi. Hasilnya, dapat membuktikan karya sastera merupakan sebuah karya yang mampu merentas sempadan disiplin ilmu yang lain termasuk konsep perbandingan.

Kecenderungan pengarang mendiskripsikan suasana seperti ini adalah sesuatu yang lazim bukan hanya dalam sastera sejarah tetapi juga terdapat dalam cerita-cerita lipur lara. Penceritaan sebegini menjadi satu keterikatan antara pengarang dan khalayak pengarang, hanya boleh menceritakan sesuatu yang dapat diterima dan di 'cam' oleh masyarakat tersebut. Hubungan sebegini sememangnya wujud dalam masyarakat tradisional atau tertutup yang terikat dengan hukum penulisan lama. Masyarakat silam berpegang kepada budaya *partisipatoris* iaitu semua masyarakat terlibat dalam dunia kesusasteraan. Para pengarang dilarang menyampaikan sesuatu yang baharu atau menyimpang daripada kebiasaan masyarakat. Sekali gus membentuk kontrak naratif di antara pengarang dan khalayak.

Penjelasan sebegini menggambarkan keterikatan pengarang kepada satu sistem sastera yang tegar, stabil iaitu yang menetapkan konvensi untuk setiap pengkaryaan. Situasi sebegini memperlihatkan bahawa kepatuhan-kepatuhan yang ketat ini sudah terbenam dalam minda sasterawan istana yang mengikut konvensi. Proses ini menuntut supaya pendengar mengenali dunia 'susastera' yang ditawarkan oleh pengarang. Melalui proses sebegini akan membawa persefahaman yang bertimbal balik antara pengarang dan khalayak serta karya tersebut akan mendapat kepentingannya.⁴¹ Keterikatan pengarang istana silam terhadap konvensi penulisan turut diperakui oleh Teuw,⁴² beliau menyatakan bahawa hukum keterikatan dan sifat statik ini menjadikan seorang pengarang selesai, sekiranya dapat menyampaikan ceritanya melalui kaedah yang telah ditetapkan. Iaitu masih berpegang kepada kesahihan tradisi dan menyampaikan melalui cara yang 'patut' serta diterima oleh masyarakatnya.

Melalui garapan latar peperangan, pengarang turut mendeskripsikan naratif kematian atau kecederaan yang dialami oleh para pejuang dengan cara mengerikan dan kesakitan yang melampau. Walhal naratif kengerian sedemikian tidak pernah wujud dalam mana-mana penulisan sejarah. Kengerian naratif kematian dan kecederaan yang dirincikan dalam rangkap *Syair Perang Menteng* adalah untuk merealisasikan kesakitan dan seksa yang ditanggung oleh para pendekar dan juga pihak lawan sewaktu ditikam oleh senjata, ditembak oleh peluru meriam dan juga peluru bedil. Kengerian dan kesakitan tersebut dapat disaksikan dalam rangkap-rangkap syair dibawah:

Disitulah haji lama berdiri
dikerubungi serdadu Holanda pencuri
lukanya tidak lagi terperi
fanalah haji lupakan diri.⁴³

Orang membedil dari buluwarti
pelurunya datang tiada berhenti
kenalalah kepala dan hulu hati
rakyat Holanda banyaklah mati.⁴⁴

Baris undur tersebut pula
menyuruh kembali rakyat segala
pulang ke kapal senampang dihela
ada yang luka pecah kepala.⁴⁵

Serangan bertali arus yang diterima oleh tentera Belanda menyebabkan mereka semua terpaksa berundur. Tentera Belanda pulang ke markas dalam keadaan cedera parah sehinggakan darah tidak berhenti-henti mengalir keluar. Ada juga tentera yang telah ditembak di bahagian kepala sehingga pecah. Deskripsi peristiwa seperti ini sudah pasti menimbulkan rasa ngeri, sakit dan simpati pembaca. Pengarang juga mengalihkan tumpuan pembaca kepada keadaan mayat yang menemui ajal dalam peperangan tersebut;

Bangkai kerambangan seperti raba
hanyut seperti ikan dituba
darah seperti air kesumba
beberapa luka teraba-raba.⁴⁶

Air laut berlinang-linang
merah laksana air jernang
di manakah jenderal hatinya senang
rakyatnya mati banyak dikenang.⁴⁷

Gambaran sebegini berjaya menimbulkan perasaan kengerian dan dahsyat kepada khalayak seolah-olah menyaksikan sendiri peristiwa itu di hadapan mata. Gambaran kematian oleh pengarang dalam syair ini pasti akan menimbulkan pelbagai ekspresi emosi kepada pembaca. Terutama apabila melibatkan kematian pahlawan-pahlawan Melayu pelbagai emosi bercampur baur akan timbul seperti sedih, marah dan benci. Perasaan tersebut akan bertukar menjadi bangga, gembira, apabila pendekar-pendekar Melayu telah berjaya membunuh musuh atau pulang dengan membawa kejayaan. Kejayaan ini sudah mampu memberi senyuman lebar kepada para pembaca. Luka-luka yang dialami oleh para musuh merupakan satu metafora kepada luka dan penderitaan jiwa orang-orang Melayu yang tidak akan pernah sembuh kesan daripada penjajahan ini. Meskipun sudah sembuh parutnya masih kekal sampai bila-bila.

Menurut Jelani Harun,⁴⁸ peristiwa peperangan menjadi satu media buat para pengarang untuk melepaskan perasaan kecewa dan marah kepada penjajah yang telah membuat onar di tanah air mereka. Justeru itu, peristiwa perang menjadi ilham bagi pengarang untuk terus berkarya dan juga reaksi pengarang terhadap kedatangan orang asing di Tanah Melayu yang telah 'melukakan hati' orang-orang Melayu. Rakaman peristiwa yang digarap dalam kisah peperangan memperlihatkan

sikap bangsa Melayu terhadap kuasa asing sebagai bangsa ganas, rakus, tamak, tidak jujur, angkuh dan sebagainya akhirnya tunduk di tangan orang-orang tempatan.

Menurut Jelani Harun lagi, pemaparan kemunculan watak-watak hero dan kehebatan orang Melayu ketika berperang dengan begitu gagah perkasa dan berani adalah satu cubaan menebus maruah bangsa Melayu. Fenomena ini berjaya membasuh semula maruah orang Melayu yang dianggap sebagai lemah dan tidak berdaya ketika berperang. Inilah salah satu tujuan utama latar peperangan dibina, disamping pendekatan sejarah yang digunakan oleh pengarang untuk memberi inspirasi dan informasi kepada pembaca melalui latar peperangan ini. Pengarang berjaya mengiktiraf kedudukan syair perang sebagai sebuah karya yang menampilkan sesuatu peristiwa tepat dan benar seperti yang terkandung dalam penulisan sejarah konvensional cuma garapannya berbeza.

Latar peperangan bukan hanya memaparkan watak, aktiviti ketenteraan seperti pertempuran antara kedua-dua pihak. Latar peperangan juga menonjolkan kehebatan senjata yang digunakan oleh kedua pihak. Dengan penonjolan penggunaan alat senjata ini akan memantapkan lagi suasana latar peperangan tersebut. Serta menghadirkan rasa kagum pembaca terhadap alat senjata yang digunakan oleh tentera Melayu yang semakin sukar untuk dijumpa pada masa kini. Melalui penggunaan alatan senjata adalah untuk mengetengahkan informasi kepada pembaca atau generasi kini bahawa masyarakat silam turut mempunyai alatan senjata yang canggih mengikut zaman tersebut. Adalah tidak keterlaluan dikatakan bahawa terdapat sesetengah alat-alat senjata tersebut menjadi ilham kepada pembuatan senjata moden dan masih wujud hingga kini. Terdapat juga alatan senjata tersebut yang sudah tidak dapat dijejak lagi dan hanya tinggal nama sahaja. Sepanjang memperhalusi teks ini pengarang berulang kali menyebut jenis alatan senjata yang digunakan seperti 'bedil, loteng, meriam, senapang, raket api dan juga penggunaan bom'. Penggunaan bom atau bahan peledak membuktikan kemajuan sistem peperangan masyarakat silam. Pejuang-pejuang Palembang mendapat bekalan senjata dari daerah Jambi dan juga daripada suku Bugis. Orang-orang Bugis turut memiliki kehebatan alatan peperangan tersendiri, mereka juga memiliki baju berantai besi yang digunakan untuk berperang dan merupakan tentera Melayu pertama yang memiliki baju tersebut.⁴⁹ Rangkap di bawah menjelaskan antara alatan senjata yang digunakan:

Dibedil orang di Buluwarti
meriam dan lela berganti-ganti
baris Menteng banyaklah mati
tengah hari perang berhenti.⁵⁰

Dibalas gurnat terlalu amat
itulah bicara Pangeran Muhammad
atap loteng hancur lumat
perasaan tidak lagi selamat.⁵¹

Berdasarkan rangkap syair di atas, pengarang sengaja menyebut berulang kali jenis senjata yang digunakan. Kaedah perulangan ini secara tidak langsung, bermaksud pengarang berusaha menjelaskan tentang senjata-senjata yang digunakan dalam pertempuran ini. Penerangan sebegini juga telah berhasil memperkenalkan kepada masyarakat moden bahawa peperangan masyarakat silam juga sudah melibatkan penggunaan senjata api dan tidak hanya menggunakan senjata-senjata seperti keris, kapak, lembing, tombak dan parang. Penggunaan alatan senjata api yang digambarkan dalam *Syair Perang Mentang* telah membuktikan masyarakat Melayu silam telah menggunakan senjata api dalam peperangan yang besar dan setanding dengan senjata masyarakat Eropah.

Menurut Wan Ahmad Dasuki,⁵² bedil juga dikenali sebagai senapang di negeri-negeri Pantai Timur seperti Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Beliau menambah lagi bahawa terdapat enam manuskrip Melayu menyebut tentang senjata api orang Melayu termasuk bedil bertulisan jawi lama telah ditemui setakat ini membicarakan ilmu bedil dan senjata api lain. Penemuan oleh beliau ini berjaya menepis pandangan sinis yang mengatakan bahawa bangsa Melayu hanya menggunakan keris dan ilmu persilatan sahaja ketika berperang. Justeru itu, syair-syair perang dan prosa klasik berjaya membuktikan bahawa bangsa Melayu telah mencapai taraf kemajuan dalam penggunaan senjata api.

Selain itu, Paul Kekai Mansala seorang pengkaji berbangsa Eropah menyatakan bahawa orang-orang Melayu silam telah pun mencapai taraf pembinaan senjata peperangan yang sudah cukup canggih. Beliau menyatakan bahawa pengkaji sejarah berbangsa Eropah telah pun menemui senjata yang sering digunakan oleh orang Melayu ketika berperang sejak akhir abad 1400 dan awal abad 1500 (dalam Syahidatul Munirah dan Rahimah A. Hamid).⁵³ Jika diteliti bangsa Eropah telah memulakan pelayaran mereka ke alam Melayu sekitar abad ke-14 untuk mengaut keuntungan dan menyebarkan agama Kristian serta melebarkan kekuasaan untuk mencari tanah jajahan.⁵⁴ Berdasarkan penemuan Mansala membuktikan bahawa orang Melayu telah pun mencapai ketamadunan yang tinggi dalam senjata peperangan berbanding bangsa Eropah. Kecanggihan teknologi orang-orang Melayu telah ditiru oleh bangsa Eropah ketika mereka berperang dengan orang-orang Melayu.

Kesimpulan

Syair Perang Menteng menampilkan kembali sejarah silam di Palembang dengan menjadikan peristiwa perang sebagai tema utama. Kehebatan pujangga istana dalam melakarkan peristiwa bersejarah ini melalui bahasa yang indah telah memudahkan pembaca mengingat setiap episod penting yang terkandung dalam syair tersebut.

Selain itu, pengarang turut menyumbangkan kreativiti dalam penulisan sejarah dengan memberikan nafas baharu tanpa menafikan kepentingan sejarah yang harus dipertahankan. Unsur imajinasi yang disulam bersama kejujuran terhadap peristiwa nyata telah menghasilkan satu bentuk penulisan yang bukan sahaja mengangkat martabat peristiwa peperangan, tetapi juga mengekalkan nilai dokumentasi sejarah. Pemaparan watak-watak penting, peristiwa yang menjadi penanda zaman, latar tempat yang masih dapat dikenali hingga kini, serta penetapan masa dan waktu tertentu, membuktikan bahawa pengarang berjaya menggunakan sejarah sebagai medium naratif yang hidup dan segar.

Hal ini, memperlihatkan bahawa *Syair Perang Menteng* tidak sekadar mengisahkan peperangan semata-mata, sebaliknya ia turut menekankan aspek identiti, maruah, dan semangat perjuangan masyarakat Melayu ketika berdepan dengan ancaman luar. Oleh yang demikian, teks ini bukan sahaja berharga sebagai karya kesusasteraan, tetapi juga sebagai sumber sejarah yang kaya, kerana setiap elemen yang diungkapkan dapat dibuktikan melalui catatan sejarah rasmi, tradisi lisan, serta kewujudan lokasi-lokasi yang masih bertahan sehingga ke hari ini.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh dan Universiti Sains Malaysia (USM) atas sokongan dan peluang yang diberikan untuk menyiapkan penulisan ini. Penulisan ini telah dilaksanakan dengan sokongan kewangan daripada Geran Jangka Pendek USM nombor geran R501-LR-RND002-0000000734-0000, yang membolehkan pengkaji menjalankan penyelidikan dan memperluas perbincangan mengenai Unsur Sejarah Sebagai Strategi Naratif dalam *Syair Perang Menteng*. Dengan adanya sokongan ini, kajian terhadap warisan sastera

dan sejarah Melayu dapat diperkukuh dan dimanfaatkan oleh masyarakat, ahli akademik serta generasi akan datang.

Nota

- ¹ Sjafil, *Indonesia Pada Masa Pemerintahan Raffles*, Penerbit Sanggabuwana Bandung, Jakarta, 1976, hlm. 15.
- ² Sjafil, *Indonesia Pada Masa Pemerintahan Raffles*, Penerbit Sanggabuwana Bandung, Jakarta, 1976, hlm 25.
- ³ Djohan Hanafiah, *KUTO BESAK: Upaya Kesultanan Palembang Menegakkan Kemerdekaan*, Penerbit PT Karya Unipress, Jakarta, 1989, hlm. 64-65.
- ⁴ Sartono, *Pengantar Sejarah Indonesia Baru: 1500-1900* Penerbit Gramedia Pustaka Utama, Jakarta, 1993, hlm. 272-273.
- ⁵ Djohan Hanafiah, *KUTO BESAK: Upaya Kesultanan Palembang Menegakkan Kemerdekaan*, Penerbit PT Karya Unipress, Jakarta, 1989, hlm. 72.
- ⁶ Woelders, M.O, *Het Sultanat Palembang 1811-1825*. Penerbit B.V. Neerlandsche Boek, S. Gravenhage, 1975.
- ⁷ Zubir Idris, *Etnosentrisme dalam Syair-syair Perang Melayu Belanda*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2013.
- ⁸ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Gerakan Penjajahan dan Anti Penjajahan Tanah Melayu 1511-1957. Jihad Menghadapi Konspirasi Penjajah dan Manipulasi Sejarah*, Penerbit ULTIMATE PRINT SDN BHD, Selangor, 2016.
- ⁹ Suidat, M.Pd.I, *Sejarah Nasional Indonesia*, Penerbit Yayasan Pendidikan At-Taqwa Depok, Jawa Barat, 2019.
- ¹⁰ Wan Roshazli Binti Wan Razali, “Perang Sebagai Penyelesaian Konflik dalam *Syair Perang Menteng*”, *Melayu Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, no. 16 (1) doi: 10.37052/jm.16(1) no3, 2023, hlm. 57-58. Wan Roshazli Binti Wan Razali, “Sultan Mahmud Badaruddin II, Wira Masyarakat Palembang”, *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, no. 11(1), 2023, hlm. 32-45.
- ¹¹ Woelders, M.O. *Het Sultanat Palembang 1811-1825*. Penerbit B.V. Neerlandsche Boek, S. Gravenhage, 1975.
- ¹² Teuku Iskandar, *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*, Penerbit Jabatan Kesusasteraan Melayu Universiti Brunei Darussalam, Brunei, 2001, hlm. 465.
- ¹³ Zubir Idris, *Etnosentrisme dalam Syair-syair Perang Melayu Belanda*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2013.
- ¹⁴ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Gerakan Penjajahan dan Anti Penjajahan Tanah Melayu 1511-1957. Jihad Menghadapi Konspirasi Penjajah dan Manipulasi Sejarah*, Penerbit ULTIMATE PRINT SDN BHD, Selangor, 2016, hlm. 439-444.
- ¹⁵ Suidat, M.Pd.I. *Sejarah Nasional Indonesia*. Penerbit Yayasan Pendidikan At-Taqwa Depok, Jawa Barat, 2019.
- ¹⁶ Wan Roshazli Binti Wan Razali, “Sultan Mahmud Badaruddin II, Wira Masyarakat Palembang”, *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, no. 11(1), 2023, hlm. 32-45.
- ¹⁷ Wan Roshazli Binti Wan Razali, “Perang Sebagai Penyelesaian Konflik dalam *Syair Perang Menteng*.” *Melayu Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, no. 16 (1) doi: 10.37052/jm.16(1) no. 3, 2023, hlm 57-58.
- ¹⁸ Bal Mieke, *Narratology Introduction to The Theory of Narrative*, Toronto Press, University of Toronto, 2017, hlm. 15.
- ¹⁹ Ali Ahmad, *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 73.
- ²⁰ Bal Mieke, *Narratology Introduction to The Theory of Narrative*, Toronto Press, University of Toronto, 2017, hlm.165.
- ²¹ Mardiana Nordin, “Sejarah dan sumber: Episod Perang Melayu”, Dlm *Tema Baru Penulisan Sejarah*, disunting oleh Suffian Mansor, Azharudin Mohamed Dali & Mardiana Nordin, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012, hlm. 21-22.

- ²² Trischitta, Andrea, *Narrative Writing*, Penerbit Teacher Resources Inc, Amerika, 2000, hlm. 37.
- ²³ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 1.
- ²⁴ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 1.
- ²⁵ Dahlan, *Sejarah Perjuangan Sultan Mahmud Badaruddin II*, Penerbit Pemerintah Provinsi Daerah TKI, Sumatera Selatan. 1984, hlm. 3.
- ²⁶ Harun Mat Piah, "Cerita-cerita Bangka." Dlm *Kesultanan Melayu*, disunting oleh Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 489.
- ²⁷ Djohan Hanafiah, "Cerita Lisan Palembang" Dlm *Kesultanan Melayu*, disunting oleh Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 499.
- ²⁸ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 2.
- ²⁹ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 3.
- ³⁰ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Gerakan Penjajahan dan Anti Penjajahan Tanah Melayu 1511-1957. Jihad Menghadapi Konspirasi Penjajah dan Manipulasi Sejarah*, Penerbit ULTIMATE PRINT SDN BHD, Selangor, 2016. Hlm. 25.
- ³¹ Muhammad Yusoff Hashim, "Peperangan Melayu dalam Tradisi Pensejarahan Malaysia", Dlm *Tamadun Melayu Jilid I*, disunting oleh Ismail Hussein, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm 204.
- ³² *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 19.
- ³³ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm 23.
- ³⁴ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm.26.
- ³⁵ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 2.
- ³⁶ Djohan Hanafiah, *Perang Palembang 1819-1821: Perang Laut Terbesar di Nusantara*, Penerbit Pariwisata Jasa Utama, Palembang, 1986, hlm. 2.
- ³⁷ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 5.
- ³⁸ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 9.
- ³⁹ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 9.
- ⁴⁰ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 9.
- ⁴¹ Noriah Taslim, *Teori dan Kritikan Sastera*, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm.162.
- ⁴² Teeuw, A, *Membaca dan Menilai Sastera*, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 8.
- ⁴³ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 3.
- ⁴⁴ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 5.

- ⁴⁵ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 6.
- ⁴⁶ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 18.
- ⁴⁷ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 18.
- ⁴⁸ Jelani Harun, “Peringgi dalam Kesusasteraan Melayu: Imej Luka Yang Berkekalan”, Dlm *Tradisi dan Modeniti Kesusasteraan Melintas Zaman dan Wilayah*, disunting oleh Lalinta Sinha, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2002, hlm. 83-106.
- ⁴⁹ Barbara Watson Leonard Andaya, *Sejarah Malaysia*. Penerbit Macmillan, Petaling Jaya, 1983, hlm. 92.
- ⁵⁰ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 5.
- ⁵¹ *Syair Perang Menteng*, Kod Naskah W.272, Koleksi Perpustakaan Nasional RI, Jakarta, Indonesia, 1991, hlm. 11.
- ⁵² Wan Ahmad Dasuki, “Representasi Teknikaliti Penggunaan Senapang dalam Beberapa Buah Manuskrip Ilmu Bedil”, Dlm *Filologi Melayu Edisi Khas*, disunting oleh Jamaliah, Penerbit Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, 2015, 77.
- ⁵³ Syahidatul Munirah dan Rahimah A. Hamid, “Kehebatan Senjata Masyarakat Melayu Tradisional”, Dlm, *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera*, disunting oleh Rahimah A. Hamid, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2015, hlm. 86.
- ⁵⁴ Barbara Watson Leonard Andaya, *Sejarah Malaysia*, Penerbit Macmillan, Petaling Jaya, 1983, hlm. 42.

Rujukan

- Abdul Rahman Hj. Abdullah. 2016. *Gerakan Penjajahan dan Anti Penjajahan Tanah Melayu 1511-1957. Jihad Menghadapi Konspirasi Penjajah dan Manipulasi Sejarah*. Selangor: Penerbit ULTIMATE PRINT SDN BHD.
- Ali Ahmad. 1994. *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bal Mike. 2017. *Narratology Introduction to The Theory of Narrative*. University of Toronto: Toronto Press.
- Barbara Watson Leonard Andaya. 1983. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Macmillan.
- Djohan Hanafiah. 2006. “Cerita Lisan Palembang.” Dlm *Kesultanan Melayu*, disunting oleh Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim, 499. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Djohan Hanafiah. 1986. *Perang Palembang 1819-1821: Perang Laut Terbesar di Nusantara*. Palembang: Pariwisata Jasa Utama.
- Djohan Hanafiah. 1989. *KUTO BESAK: Upaya Kesultanan Palembang Menegakkan Kemerdekaan*. Jakarta: Penerbit PT Karya Unipress.
- Harun Mat Piah. 2000. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 2006. “Cerita-cerita Bangka.” Dlm *Kesultanan Melayu*. disunting oleh Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim, 489. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasanuddin Yusof. t.t. *Sultan-sultan Soleh Di Nusantara*. Selangor: Penerbit Al-Hijrah Production.
- HY, H.A. Dahlan. 1984. *Sejarah Perjuangan Sultan Mahmud Badaruddin II. Sumatera Selatan*: Penerbit Pemerintah Provinsi Daerah TK I.

- Jelani Harun. 2002. "Peringgi dalam Kesusasteraan Melayu: Imej Luka Yang Berkekalan." Dlm *Tradisi dan Moderniti Kesusasteraan Melintas Zaman dan Wilayah*, disunting oleh Lalinta Sinha, 83-106. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mardiana Nordin. 2012. Sejarah dan sumber: Episod Perang Melayu. Dlm *Tema Baru Penulisan Sejarah*, disunting oleh Suffian Mansor, Azharudin Mohamed Dali & Mardiana Nordin, 21-22. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Taib Osman. 1974. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Penerbit Federal Publications.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1993. "Peperangan Melayu dalam Tradisi Pensejarahan Malaysia." Dlm *Tamadun Melayu Jilid I*, disunting oleh Ismail Hussein, 204. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. 1993. *Teori dan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. 2006. *Dunia Sahibul Hikayat*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sartono Kartodirdjo. 1993. *Pengantar Sejarah Indonesia Baru: 1500-1900*. Jakarta: Penerbit Gramedia Pustaka Utama.
- Sjafii. 1976. *Indonesia Pada Masa Pemerintahan Raffles*. Jakarta: Penerbit Sanggabuwana Bandung.
- Soetadji, Nanang S. & Djohan Hanafiah. 1996. *Perang Palembang Melawan V.O.C.* Palembang: Penerbit Karyasari.
- Suidat, M.Pd.I. 2019. *Sejarah Nasional Indonesia*. Depok Jawa Barat: Penerbit Yayasan Pendidikan At-Taqwa Depok.
- Syahidatul Munirah dan Rahimah A. Hamid. 2015. "Kehebatan Senjata Masyarakat Melayu Tradisional". Dlm, *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera*, disunting oleh Rahimah A. Hamid, 86. Pulau Pinang: Penerbit: Universiti Sains Malaysia.
- Teuku Iskandar. 2001. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Penerbit Jabatan Kesusasteraan Melayu Universiti Brunei Darussalam.
- Teeuw, A. 1992. *Membaca dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trischitta, Andrea. 2000. *Narrative Writing*. Amerika Syarikat: Penerbit Teacher Resources Inc.
- Wan Ahmad Dasuki. 2015. "Representasi Teknikaliti Penggunaan Senapang dalam Beberapa Buah Manuskrip Ilmu Bedil." Dlm *Filologi Melayu Edisi Khas*, disunting oleh Jamaliah, 75-88. Kuala Lumpur: Penerbit Perpustakaan Negara.
- Wan Roshazli Binti Wan Razali. 2023. "Perang Sebagai Penyelesaian Konflik dalam *Syair Perang Menteng*," *Melayu Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 16, no. 1: 57-78.
doi: 10.37052/jm.16(1) no3
- Wan Roshazli Binti Wan Razali. 2023. "Sultan Mahmud Badaruddin II, Wira Masyarakat Palembang," *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu* 11, no. 1: 32-45.
- Woelders, M.O. 1975. *Het Sultanat Palembang 1811-1825*. S. Gravenhage: Penerbit B.V.Neerlandsche Boek.
- Zubir Idris. 2013. *Etnosentrisme dalam Syair-syair Perang Melayu Belanda*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.